

PERADUAN SEDAPEDIA MAKEOVER & MENANG: MERIAHKAN MEJA RAYA - TERMA & SYARAT

Peraduan "Makeover & Menang: Meriahkan Meja Raya" ini dianjurkan oleh Sedapedia ("Penganjur"). Peraduan ini akan berlangsung dari 17 Mac 2025 hingga 13 April 2025 ("Tempoh Peraduan") di platform Facebook dan Instagram.

Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Peraduan. Penganjur berhak untuk meminda Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Tempoh Peraduan -

1. Peraduan ini akan berlangsung dari 17 Mac 2025 hingga 13 April 2025. Penyertaan yang diterima selepas tarikh tamat tidak akan diterima.

Kelayakan -

1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dengan kad pengenalan yang sah.
2. Kakitangan Penganjur, syarikat gabungan, pengedar, agensi pengiklanan, dan ahli keluarga terdekat mereka tidak layak menyertai.
3. Setiap peserta perlu mempunyai akaun Facebook atau Instagram yang aktif dan menetapkan akaun mereka ke 'Public' sepanjang tempoh peraduan.
4. 'Post' penyertaan digalakkan untuk mempamerkan produk dari rangkaian produk Ajinomoto (Malaysia) Berhad ('Penganjur'). Antara jenama produk dari Penganjur adalah seperti AJI-NO-MOTO®, Seri-Aji®, AJI-SHIO®, TUMIX®, dan "Ajinomoto" Gyoza.

Mekanisme Peraduan & Penyertaan -

Untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini, peserta hendaklah mematuhi setiap mekanisme peraduan seperti yang berikut:

Cara penyertaan:

1. Hias dan persembahkan meja raya dengan kreatif bersama hidangan bertemakan Hari Raya.

2. Ambil gambar meja yang telah dihias hidangan raya. Kongsikan di Facebook/Instagram.
3. Tag Sedapedia (Facebook) atau @my_sedapedia (Instagram) bersama 3 orang rakan dan guna hashtag #MeriahkanMejaRaya di dalam kapsyen.

Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan, tetapi hanya satu penyertaan akan dipilih sebagai pemenang.

Penyertaan yang diterima selepas tarikh 13 April 2025 adalah tidak layak untuk memenangi sebarang hadiah-hadiah yang ditawarkan.

Pemenang dan Hadiah -

Pemenang akan dipilih secara rawak oleh panel juri yang dilantik oleh Penganjur.

- 1x Hadiah Pertama: Set Makan Malam Noritake 20pcs (Bernilai RM2,800)
- 1x Hadiah Kedua: Innofood 16in1 Digital Air Fryer Oven (Bernilai RM720)
- 1x Hadiah Ketiga: Innofood Stand Mixer (Bernilai RM520)
- 50x Hadiah Saguhati: Kredit TnG e-Wallet bernilai RM100

Keputusan Penganjur ke atas pemilihan para pemenang adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang pertikaian tidak akan dilayan.

Nama para pemenang akan diumumkan melalui laman akaun Facebook dan Instagram Penganjur seperti yang dibawah -

- Pautan akaun Facebook Penganjur: <https://www.facebook.com/sedapedia/>
- Pautan akaun Instagram Penganjur: https://www.instagram.com/my_sedapedia/

Pengumuman Pemenang & Penebusan Hadiah

1. Nama pemenang akan diumumkan di Facebook & Instagram Sedapedia pada 21 dan 22 Mac 2025.
2. Pemenang perlu menghubungi Penganjur dalam tempoh 7 hari selepas pengumuman untuk urusan penebusan hadiah.
3. Jika pemenang gagal memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan, Penganjur berhak untuk memilih pemenang lain.

4. Hadiah tidak boleh dipindah milik, ditukar dengan wang tunai, atau sebarang bentuk lain.

Liabiliti & Tanggungjawab

Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan, atau kecederaan yang berlaku semasa penyertaan atau penggunaan hadiah.

Penganjur berhak untuk:

1. Menggunakan nama, foto, atau kandungan penyertaan untuk tujuan pemasaran tanpa sebarang bayaran kepada peserta.
2. Menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya jika diperlukan.
3. Membatalkan penyertaan yang tidak memenuhi syarat atau menggunakan kandungan tidak sah.

Lain - Lain

Dengan menyertai Peraduan ini, setiap peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini dan pihak Penganjur berhak untuk:

1. Menerbitkan, menggunakan nama dan/atau foto-foto Peserta Layak dan/atau para pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa memberi bayaran atau notis terlebih dahulu dan seterusnya bersetuju bahawa dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Layak dan/atau para pemenang mengenepikan semua hak yang berkaitan dengan foto yang mereka telah sertakan untuk peraduan ini.
2. Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Peraduan ini peserta bersetuju dengan Terma & Syarat Peraduan ini.

Perlindungan Data - Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('PDPA')

Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak Penganjur Ajinomoto (Malaysia) Berhad. Tambahan lagi, dengan menyertai Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh Pihak Penganjur dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Pihak Penganjur akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada Pihak Penganjur seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami kehendaki daripada anda dalam borang Peraduan ini. Pihak Penganjur akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada Pihak Penganjur, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).

Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas.